

Bajet 2016 untuk kesejahteraan rakyat

Banyak beri insentif, kemudahan serta penambahbaikan bajet terdahulu

■ NORADILA MAHAMAD

KUALA NERUS - Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Profesor Datuk Dr Yahaya Ibrahim menyifatkan Bajet 2016 sebagai bajet kesejahteraan rakyat kerana banyak memberi insentif atau kemudahan serta penambahbaikan kepada bajet terdahulu.

Bercakap dalam konteks pendidikan, banyak insentif terutama dari segi penyelidikan dan pembelian barang-barang untuk tujuan penyelidikan dan inovasi dikecualikan GST yang mampu meringankan beban universiti.

"Ini (peralatan penyelidikan) merupakan keperluan besar kepada universiti dan apabila dikecualikan GST, ia membantu dan meringankan be-

ban universiti dari segi pembelian peralatan untuk tujuan penyelidikan.

"Saya nampak banyak juga insentif lain berkaitan penyelidikan alam sekitar yang dapat dimanfaatkan universiti secara langsung," katanya pada sidang media khas selepas Tayangan Secara Langsung Pembentangan Bajet 2016 bersama Warga Unisza kelmarin.

Yahaya berkata, tambahan bajet kepada pelbagai kementerian memberi kelebihan kepada universiti untuk meneruskan kerja-kerja penyelidikan, penerbitan dan inovasi.



YAHAYA

"Ini satu berita baik kepada warga universiti untuk menguruskan kajian sebagaimana yang disaran kerajaan terutama kajian bersifat boleh guna sebagai contoh menangani masalah bencana dan sebagainya," katanya.

Dalam pada itu, Yahaya menambah, pengisytiharan tahun 2016 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Tahun Pengkomersilan Malaysia dalam melonjakkan hasil produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) oleh institusi penyelidikan tempatan membuka peluang kepada Unisza memainkan peranan.



Yahaya (depan, tiga kanan) dan warga UniSZA sedang menonton pembentangan Bajet 2016.

ZULIAH HANIFAH